



19 Mei 2016
19 May 2016
P.U. (B) 223

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

ARAHAN KHAS MENTERI

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER



DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA BANTUAN BERSAMA DALAM PERKARA JENAYAH 2002

ARAHAN KHAS MENTERI

BAHAWASANYA:

(a) suatu siasatan yang berhubungan dengan suatu perkara jenayah yang melibatkan kesalahan berat asing, iaitu kesalahan di bawah—

(i) seksyen 324ter §1 dibaca bersama dengan seksyen 66, 324bis dan 325 Kanun Undang-Undang Jenayah Belgium (dengan sengaja dan diketahuinya terlibat dalam suatu organisasi jenayah);

(ii) seksyen 324ter §3 dibaca bersama dengan seksyen 66, 324bis dan 325 Kanun Undang-Undang Jenayah Belgium (mengambil bahagian dalam pembuatan keputusan dalam lingkungan aktiviti suatu organisasi jenayah);

(iii) seksyen 324ter §4 dibaca bersama dengan seksyen 324bis dan 325 Kanun Undang-Undang Jenayah Belgium (menjadi orang yang mengetuai suatu organisasi jenayah);

(iv) seksyen 496 dibaca bersama dengan seksyen 66 Kanun Undang-Undang Jenayah Belgium (fraud); dan

(v) seksyen 505 §1.4º, 2, 3 dan 5 dibaca bersama dengan seksyen 66 Kanun Undang-Undang Jenayah Belgium (pengubahan wang haram),

telah dimulakan di Belgium, suatu Negara asing;

(b) Pejabat Pendakwa Raya, Bruges, Belgium telah membuat suatu permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 [*Akta 621*];

- (c) tiada perintah di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 telah dibuat berhubung dengan Belgium; dan
- (d) Peguam Negara Malaysia telah mengesyorkan bahawa bantuan bersama diberikan kepada Belgium berhubung dengan perkara jenayah itu di bawah Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002:

MAKA OLEH YANG DEMIKIAN, pada menjalankan kuasa yang diberikan kepada saya oleh seksyen 18 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002, saya, Hajah Nancy binti Haji Shukri, Menteri yang bertanggungjawab bagi hal ehwal undang-undang di Malaysia, dengan ini mengarahkan supaya peruntukan Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 terpakai berhubung dengan permintaan bagi bantuan bersama berhubung dengan perkara jenayah itu seolah-olah suatu perintah yang dibuat di bawah seksyen 17 Akta Bantuan Bersama dalam Perkara Jenayah 2002 berkuat kuasa berkenaan dengan Belgium tanpa apa-apa sekatan, had, kecualian, ubah suaian, penyesuaian, syarat atau batasan.

Bertarikh 8 Mei 2016

[JPN(R)152/185/29/37-6; PN(PU2)628/IX]

HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
Menteri di Jabatan Perdana Menteri

MUTUAL ASSISTANCE IN CRIMINAL MATTERS ACT 2002

SPECIAL DIRECTION OF THE MINISTER

WHEREAS:

(a) an investigation relating to a criminal matter involving foreign serious offences, that are offences under—

(i) section 324ter §1 read together with sections 66, 324bis and 325 of the Belgium Code of Criminal Law (willingly and knowingly being involved in a criminal organization);

(ii) section 324ter §3 read together with sections 66, 324bis and 325 of the Belgium Code of Criminal Law (participating in the taking of a decision within the frame of activities of a criminal organization);

(iii) section 324ter §4 read together with sections 324bis and 325 of the Belgium Code of Criminal Law (being the leading person in a criminal organization);

(iv) section 496 read together with section 66 of the Belgium Code of Criminal Law (fraud); and

(v) sections 505 §1.4°, 2, 3 and 5 read together with section 66 of the Belgium Code of Criminal Law (money laundering),

has commenced in Belgium, a foreign State;

(b) the Office of the Public Prosecutor, Bruges, Belgium has made a request for mutual assistance in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 [*Act 621*];

- (c) no order under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 has been made in relation to Belgium; and
- (d) the Attorney General of Malaysia has recommended that mutual assistance be given to Belgium in relation to that criminal matter under the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002:

NOW THEREFORE, in exercise of the powers conferred on me by section 18 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002, I, Hajah Nancy binti Haji Shukri, the Minister responsible for legal affairs in Malaysia, do direct that the provisions of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 be applied in relation to the request for mutual assistance in relation to that criminal matter as if there is in effect in respect of Belgium an order made under section 17 of the Mutual Assistance in Criminal Matters Act 2002 without any restriction, limitation, exception, modification, adaptation, condition or qualification.

Dated 8 May 2016
[JPN(R)152/185/29/37-6; PN(PU2)628/IX]

HAJAH NANCY BINTI HAJI SHUKRI
Minister in the Prime Minister's Department